

**SMK LINGGIU KOTA TINGGI, JOHOR****OPERASI PENCAPAIAN STANDARD '93
BAHASA MELAYU****1103/1****Kertas 1****OGOS****2 ¼ jam****Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang *kepentingan hidup berjiran*. Panjang huraian anda antara **200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B

[100 markah]

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Semasa cuti persekolahan remaja digalakkan membantu keluarga masing-masing.

Jelaskan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk membantu keluarga semasa cuti persekolahan.

- 2 Warga tua merupakan golongan yang perlu dihormati oleh generasi muda masa ini.

Huraikan peranan ibu bapa untuk memupuk sikap menghormati warga tua dalam kalangan anak-anak.

- 3 Barangan buatan tempatan seperti makanan, pakaian dan perkakas rumah menjadi pilihan rakyat Malaysia.

Tulis sebuah rencana tentang keistimewaan barangan buatan tempatan kepada pengguna.

- 4 Peninggalan sejarah seperti Tembok Besar China di China, Taj Mahal di India dan Candi Borobudur di Indonesia sentiasa menjadi daya tarikan pelancong di seluruh dunia.

Bincangkan kepentingan peninggalan sejarah kepada sesebuah negara.

- 5 *Anak rusa Nani,
Baru kembang ekor;
Apa dosa kami,
Lalu tidak tegur.*

Pantun di atas merupakan salah satu karya sastera selain syair, gurindam, cerpen dan novel yang boleh diperkenalkan kepada kanak-kanak.

Berikan cadangan anda tentang cara-cara menanamkan minat terhadap karya sastera sejak peringkat kanak-kanak lagi.

KERTAS SOALAN TAMAT